



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**
KENYATAAN MEDIA

**PEMBUKAAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM SEMASA TEMPOH PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
12 FEBRUARI 2021 HINGGA 18 FEBRUARI 2021**

Putrajaya, 13 Februari 2021 – Mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN): Pengurusan COVID-19 Bilangan 14 Tahun 2021 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah memutuskan supaya Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) dibenarkan beroperasi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa 12 Februari 2021 hingga 18 Februari 2021.

2. Kerajaan bersetuju pembukaan RIBI semasa PKP adalah tertakluk kepada SOP berikut:-

- a) Bilangan kehadiran penganut tidak melebihi 30 orang pada satu-satu masa;
- b) RIBI perlu menjalankan kerja-kerja sanitasi selama 30 minit sebelum dan selepas aktiviti keagamaan / sembahyang;
- c) Penggunaan MySejahtera digunakan bagi tujuan rekod di kawasan yang mempunyai liputan internet yang luas. Pengecualian imbasan kod MySejahtera yang hadir ke RIBI diberikan kepada penganut yang berumur 60 tahun ke atas dan tidak mempunyai telefon pintar;
- d) Jadual waktu sembahyang/ aktiviti keagamaan di RIBI adalah seperti berikut:

BIL.	RIBI	JADUAL WAKTU SEMBAHYANG
1.	Tokong Buddha, Tao, Wat Siam dan Gereja	Masa bermula jam 6.00 pagi hingga 2.00 petang
2.	Kuil Hindu	Terdapat 2 sesi : <ul style="list-style-type: none">•6 pagi hingga 10 pagi•5 petang hingga 9 malam
3.	Gurdwara	Masa bermula jam 6.00 pagi hingga 9.00 pagi

3. Pemakaian SOP ini adalah tertakluk kepada kelulusan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
4. Kementerian Perpaduan Negara menasihati semua penganut di seluruh negara agar mematuhi SOP ini yang berkuatkuasa 12 Februari 2021 hingga 18 Februari 2021, bagi memastikan tiada penularan wabak di kalangan penganut-penganut dan bersama-sama membudayakan norma baharu untuk memutuskan rantaian COVID-19 ini.

Kementerian Perpaduan Negara

13 Februari 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (50)